

BULETIN Maklumat Pertanian Malaysia

Julai 1982* Jil. 2 Bil. 3

ISSN: 0127-0575

KDN: 0080/82

KANDUNGAN

FOKUS:

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA): Satu tinjauan Ringkas. <i>Aziz Shaffie</i>	1
Teknologi dan Penemuan Baru Pertanian	5
Bibliografi Pertanian Malaysia	7
Istilah Pertanian Pilihan	17
Kalendar Kongres Pertanian	22



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA): SATU TINJAUAN RINGKAS.

Aziz Shaffie
*Unit Hal Ehwal Awam
RISDA*

Latarbelakang Penubuhan RISDA

Sejarah penubuhan RISDA dapat disusung sejak awal tahun limapuluh apabila Kerajaan menyedari betapa pentingnya dipulihkan dan diperbaiki keadaan perusahaan getah khususnya di sektor pekebun kecil. Berikutan itu, Kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Penyiasat Pekebun-Pekebun Kecil Getah untuk mengkaji dan mengenalpasti sebab-sebab kemerosotan perusahaan; dan seterusnya mencadangkan syor-syor bagi memulihkan dan memperbaiki keadaan perusahaan getah di sektor pekebun kecil.

Mengikut syor Jawatankuasa Penyiasat tersebut, cara yang berkesan untuk memulihkan perusahaan getah di sektor pekebun kecil ialah dengan menggalakkan mereka menanam semula kebun-kebun getah tua yang tidak ekonomik dengan benih-benih yang bermutu dan berprestasi tinggi.

Kerajaan menerima syor itu dan seterusnya membentuk Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula (LPGTS) pada tahun 1952. Bagi membiayai pelaksanaan program itu kerajaan juga telah membuat peraturan bagi membolehkan mengutip wang ses tanam semula getah; di mana setiap kilogram getah yang diekspot dikenakan cukai ses sebanyak

9.92 sen. Wang ses ini dibahagikan kepada dua tabung kumpulan iaitu Kumpulan Wang A untuk pembayaran tanam semula di sektor ladang (swasta); manakala Kumpulan Wang B untuk pembayaran tanam semula di sektor pekebun kecil.

Dengan terbentuknya Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula (Kumpulan Wang B) rancangan tanam semula kebun-kebun kecil getah dijalankan dengan pesatnya meliputi skim I hingga skim V sehingga tahun 1973. Pekebun-pekebun kecil yang menyertai rancangan tanam semula diberi bantuan sebanyak \$400 seekar dan kemudian dinaikkan kepada \$700 seekar sehingga tahun 1970.

Dari jumlah 2.7 juta ekar kebun-kebun kecil yang didaftarkan, seluas 1.065077 ekar telah berjaya ditanam semula sehingga akhir tahun 1972.

Pada masa yang sama, terdapat agensi-agensi atau badan-badan lain yang secara langsung terlibat dalam membantu pekebun-pekebun kecil getah secara berasingan. Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) menjalankan khidmat nasihat dan pengembangan kepada pekebun kecil dari segi teknik penanaman, pengurusan kebun dan pemerosesan. Tujuan perkhidmatan badan ini ialah untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil mengamalkan hasil-hasil penyelidikan bagi meninggikan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Awal tahun-tahun limapuluh, Jabatan Pertanian bertanggungjawab ke atas pembekalan benih-benih getah kepada pekebun-pekebun kecil. Bagi mengatasi masalah pembekalan benih dan permohonan yang kian meningkat. Kerajaan telah menubuhkan Perusahaan Getah bagi pekebun kecil Rancangan memberi benih yang lebih baik dalam tahun 1956 untuk mengambil alih tugas Jabatan Pertanian dan lain-lain badan bersabit dengan pembekalan benih-benih getah bermutu kepada pekebun kecil.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan dalam tahun 1956 bagi menjalankan rancangan-rancangan pembangunan tanah untuk tanaman getah dan kelapa sawit. Rakyat yang tidak bertanah dan 'berkelayakan' adalah dipilih untuk menyertai rancangan pembangunan tanah sebagai 'peneroka'.

Rancangan-rancangan pembukaan tanah secara blok seperti yang dijalankan oleh FELDA juga dijalankan oleh perbadanan-perbadanan kemajuan tanah di negeri-negeri. Manakala Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) ditubuhkan untuk membeli getah cair dari pekebun-pekebun kecil dan memprosesnya menjadikan getah bermutu mengikut perincian getah Mutu Malaysia.

Beberapa rancangan pembangunan tanah yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan peringkat negeri mengalami kesulitan disebabkan oleh faktor-faktor pengurusan dan pengendalian. Rancangan-rancangan tanah itu

MPM ialah sebuah buletin suku tahunan yang diterbitkan oleh Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia. Pandangan dan pendapat penyumbang tidak semestinya mencerminkan pandangan atau pendapat jemaah pengarang. Buletin ini diberi secara percuma atas permintaan. Sila alamatkan semua surat menyurat/pertanyaan kepada: — Ketua Pengarang, Buletin Maklumat Pertanian Malaysia, Perpustakaan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.

Penayang: Syed Salim Agha; Ketua Pengarang: Ibrahim Kassim.

Pengarang-pengarang: Badilah Saad; Jamaliah Ahmad; Kamariah Abdul Hamid; Nor Hajar Abu Bakar.

perlu dipulihkan. Keadaan ini menyebabkan tertubuhnya Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara (FELCRA). Tujuannya ialah untuk menyatu dan memulihkan rancangan-rancangan tanah yang gagal dan terbengkalai.

Justeru itu, kita dapati bahawa ada beberapa badan atau organisasi yang hampir kesemuanya secara langsung atau tidak, berfungsi ke arah pemodenan perusahaan getah di negara ini. Walau bagaimanapun kerajaan menyedari betapa perlunya sebuah badan berasingan yang fungsinya berintegrasi bagi mempercepatkan proses pemodenan perusahaan getah, khususnya di sektor pekebun kecil.

Sungguhpun organisasi-organisasi tersebut telah memberi perkhidmatan yang penting mengikut bidang tugas dan fungsi masing-masing, akan tetapi ketiadaan satu badan pelaksanaan dan penyelaras bagi keseluruhan aspek pembangunan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil getah telah menyebabkan faedah yang diterima oleh pekebun-pekebun kecil tidak mencukupi seluruh bidang kehidupan.

Atas faktor-faktor dan kesedaran inilah, maka RISDA ditubuhkan pada tahun 1973; melalui peruntukan Undang-Undang Malaysia Akta 85 (Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972).

Rasionalnya penubuhan RISDA terkandung di dalam ucapan Allahyarham YAB Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein sewaktu berucap di majlis pelancaran rasmi RISDA pada 8 Februari 1973: "Dengan tertubuhnya RISDA, lahirlah sebuah organisasi yang khusus bertanggungjawab membimbing pekebun-pekebun kecil getah ke arah kemajuan dan pembangunan sosio-ekonomi mereka. RISDA juga akan berusaha bagi menjamin perusahaan getah asli di negara ini tetap teguh dan mantap Tidak syak lagi RISDA akan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru; terutama sekali dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat."

Fungsi Dan Organisasi RISDA

Di bawah peruntukan Undang-Undang Malaysia Akta 85 (Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972) tugas-tugas utama RISDA adalah seperti berikut:-

- (a) Pentadbiran Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Tanam Semula) yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Tanam Semula) 1952.
- (b) Pengurusan dan pengendalian yang berjaya bagi rancangan-rancangan yang disediakan dan diperuntukan di bawah Ordinan Kumpulan Wang Pendahuluan Getah (Tanam Semula), 1952.
- (c) Perancangan dan pelaksanaan segala pembaharuan pertanian yang dihasilkan melalui penyelidikan untuk kemajuan sektor pekebun kecil.

Bagi maksud menyempurnakan dengan berkesan fungsi-fungsinya seperti yang tersebut di atas, RISDA dikehendaki:-

- (i) Melaksanakan segala pembaharuan pertanian yang diperolehi dari penyelidikan.
- (ii) Bekerjasama dan berhubung dengan semua agensi-agensi yang lain di negara ini yang bertanggungjawab bagi penyelidikan pengembangan, mengadakan kredit pertanian, pemerosesan dan pemasaran getah dan mengujudkan dengan cepat proses pemodenan sektor

pekebun kecil.

- (iii) Menjalankan penanaman semula dan penanaman baru untuk sektor pekebun kecil dengan menguruskan benih-benih bermutu yang mengeluarkan hasil tinggi mengikut kaedah pertanian yang moden dan sistematik.
- (iv) Memastikan bahawa sektor pekebun kecil adalah dimodenkan dari semua segi bagi memperbaiki keadaan sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil.
- (v) Mendapatkan dan menyimpan perangkaan-perangkaan yang perlu berhubung dengan sektor pekebun kecil dan mengarahkan supaya maklumat itu dapat disampaikan kepada kerajaan apabila memerlukan.
- (vi) Mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab dari masa kesemasa berhubung dengan usaha-usaha kebaikan dan kemajuan sektor pekebun kecil.

Struktur Pengurusan

Untuk melaksanakan tugas-tugasnya dengan berkesan dan sistematik, RISDA mengwujudkan 11 bahagian di peringkat Ibu Pejabat bagi menjalankan kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, perancangan dan pelaksanaan operasi serta penilaian strategi dan program-program, di samping menubuhkan pejabat-pejabat di peringkat negeri, wilayah dan daerah serta menyelaras pelaksanaan program-program pembangunannya.

Tanggungjawab tiap-tiap bahagian secara ringkasnya adalah seperti berikut:-

(I) Bahagian Tanam Semula

- * Merancang dan melaksanakan program tanam semula dan tanam baru dengan getah dan lain-lain jenis tanaman yang diluluskan untuk sektor pekebun kecil.
- * Memastikan pekebun-pekebun kecil menanam semula dan menanam baru dengan benih-benih yang bermutu dan berpenghasilan tinggi serta mengamalkan teknik pertanian moden.
- * Menanam semula kali kedua bagi kebun-kebun getah yang telah ditanam semula tetapi telah melewati umur ekonomik.
- * Menyelenggara bayaran bantuan tanam semula dan tanam baru kepada pekebun pekebun kecil yang layak.

(II) Bahagian Pembangunan Sosio-Ekonomi

- * Merencanakan dan melaksanakan program-program pembangunan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat pekebun kecil.
- * Menjalankan perkhidmatan pengembangan pertanian.
- * Menjalankan kajian-kajian untuk mengenalpasti masalah-masalah pembangunan pekebun kecil.
- * Menjalankan kajian penilaian bagi mempasti keberkesanan projek-projek pembangunan yang dilancarkan.
- * Menjalankan projek sampingan seperti ternakan, pertanian, kegiatan kumpulan untuk menambah sumber pendapatan pekebun kecil.

(III) Bahagian Bekalan dan Pengangkutan

- * Menyedia dan membekalkan keperluan-keperluan input pertanian seperti benih-benih tanaman bermutu tinggi, bahan-bahan kimia pertanian dan lain-lain keperluan perkebunan.

- * Menyelenggara tapak-tapak semeian getah dan mengendali pembekalan benih kepada pekebun-pekebun kecil.
- * Menyedia dan mewujudkan sistem logistik atau pengangkutan yang berkesan untuk RISDA dan juga untuk kemudahan pembekalan kepada pekebun-pekebun kecil.

(IV) Bahagian Pembangunan Prasarana dan Penyelenggaraan

- * Mewujudkan sistem yang berkesan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan prasarana, penyelenggaraan bangunan, kenderaan dan lain-lain kelengkapan.
- * Menyelaras kerja-kerja pembangunan prasarana di peringkat Ibu Pejabat dengan peringkat negeri dan Wilayah.

(V) Bahagian Pembangunan Perladangan

- * Memajukan kawasan-kawasan hutan untuk tanaman getah dan kelapa sawit, mana-mana yang sesuai, mengikut konsep pembangunan perladangan berintegrasi.
- * Mengurus ladang-ladang yang telah dimajukan.
- * Mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk dimajukan sebagai ladang dan membeli ladang-ladang besar untuk diuruskan oleh RISDA.
- * Memperbanyakkan ladang-ladang sebagai sumber pendapatan pekebun-pekebun kecil yang berkelayakan melalui penyertaan mereka secara pemilikan saham dalam ladang-ladang yang diselenggarakan.

(VI) Bahagian Estet

- * Bertanggungjawab dalam semua hal mengenai pentadbiran dan pengurusan Kumpulan Wang Ses bagi tanam semula di Sektor Estet.

(VII) Bahagian Pentadbiran dan Kakitangan

- * Melaksanakan dasar dan tatacara pentadbiran serta pengurusan organisasi mengikut konsep 'decentralisation'.
- * Pengurusan dan pengambilan kakitangan.
- * Penyelenggaraan sistem perolehan dan pengurusan hartabenda.
- * Penyelenggaraan tender dan kontrak.
- * Menyelaras pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan antara bahagian, jabatan dan unit, baik di peringkat Ibu Pejabat mahupun di peringkat negeri dan Wilayah.
- * Menjamin mutu atau prestasi perkhidmatan pegawai dan kakitangan di semua peringkat.
- * Menggerakkan sistem perhubungan awam dan penerangan yang cekap dan menyeluruh.
- * Menyelenggara program-program untuk kebajikan kakitangan dan mewujudkan perhubungan perusahaan yang harmonis.

(VIII) Bahagian Kewangan

- * Mentadbir dan mengurus semua aspek yang berhubung dengan dasar kewangan organisasi.
- * Menyelenggara sistem perakaunan dan sistem rekod kewangan.
- * Menasihati atas hal-hal yang berkaitan dengan dasar kewangan dan pelaburan organisasi.
- * Menyediakan laporan mengenai kedudukan kewangan organisasi dari masa kesemasa.
- * Menyelenggara sistem komputer bagi pengurusan kewangan organisasi dan lain-lain sistem yang mengguna-

kan komputer.

(XI) Bahagian Pemasaran

- * Menjalankan operasi pemasaran getah dan lain-lain hasil pertanian keluaran pekebun-pekebun kecil.
- * Mengkaji keadaan pasaran dan menyalurkan maklumat pasaran kepada pekebun-pekebun kecil.
- * Membina dan menyelenggara depo-depo pembelian getah dan pusat-pusat pengawetan getah.
- * Membantu pekebun kecil memasarkan hasil-hasil pengeluaran pertanian mereka.

(X) Bahagian Perancangan dan Pembangunan

- * Menyediakan dasar dan menjamin supaya semua program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh RISDA adalah selaras dengan kehendak-kehendak dasar pertanian dan ekonomi negara.
- * Menyedia, mentadbir dan melaksana dasar-dasar belanjawan dan perancangan organisasi.
- * Mengumpulkan data-data statistik untuk keperluan organisasi; menentukan keperluan tenaga kerja, logistik dan sumber-sumber kewangan.
- * Mengkaji menilai dan melaporkan kepada pihak Pengurusan RISDA mengenai prestasi program-program pembangunan yang dilaksanakan.

(XI) Bahagian Latihan

- * Merangka dan menjalankan program-program latihan dan pengurusan biasiswa untuk pegawai dan kakitangan di semua peringkat.
- * Menjalankan program latihan dalam berbagai bidang untuk masyarakat pekebun kecil.
- * Menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan tenaga manusia di kalangan masyarakat pekebun kecil.

Ahli-Ahli Pihak Berkuasa RISDA

Pihak Berkuasa RISDA terdiri daripada ahli-ahli yang berikhtik yang dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawab:-

- 1) Seorang Pengerusi.
- 2) Seorang wakil dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.
- 3) Seorang wakil dari Kementerian Perusahaan Utama.
- 4) Seorang wakil dari Kementerian Pertanian.
- 5) Seorang wakil dari Kementerian Kewangan.
- 6) Pengarah, Institut Penyelidikan Getah Malaysia.
- 7) Pengarah, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.
- 8) Lima orang wakil dari sektor pekebun kecil perusahaan getah, seorang daripada Malaysia Timur.
- 9) Dua orang wakil dari sektor estet perusahaan getah dan antara orang-orang yang dicadangkan oleh majlis Pengeluar-Pengeluar Getah Malaysia.

RISDA pada mulanya diletakkan di bawah bidang tugas Kementerian Perusahaan Utama; tetapi sekarang ia bernaung di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Pengerusi RISDA ialah Dato' Hishamuddin bin Hj. Yahya manakala Ketua Eksekutif dalam jawatan Ketua Pengarah RISDA sekarang disandang oleh Dato' Dr. Mohd. Nor bin Abdullah.

Pencapaian Matlamat Pembangunan

Program Tanam Semula adalah yang penting sekali dalam siri program pembangunan dan pemodenan sektor pekebun kecil getah.

Sejak tahun 1952 sehingga akhir tahun 1981, sebanyak lima siri rancangan tanam semula telah dijalankan. Seluas 783,283 hektar (1.93 juta ekar) kebun-kebun kecil telah berjaya ditanam semula dengan benih-benih berpenghasilan tinggi. Seramai 412,249 orang pekebun kecil telah mengambil bahagian dan mendapat faedah dari program ini.

Rancangan Tanam Semula telah meningkatkan hasil pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Kebun yang dipelihara dengan baik telah mendapat hasil sebanyak lebih kurang 1,459 kg/hektar (1300 paun seekar) setahun. Dengan pertambahan daya pengeluaran ini, kesan yang menyeluruh ke atas pengeluaran negara adalah besar.

Bantuan tanam semula yang diberikan RISDA kepada pekebun kecil adalah mengikut kategori berikut:-

- 1) Bagi pekebun-pekebun kecil yang memiliki kurang dari 4.05 hektar; bantuan yang diberi ialah \$5,436.30 sehektar.
- 2) Bagi pekebun-pekebun kecil yang memiliki lebih dari 4.05 hektar, bantuan tanam semula ialah \$3,706.59 sehektar.

Benih Bermutu Dan Input Pertanian

RISDA mempunyai 8 buah tapak semaian pusat yang jumlah keluasannya 355.19 hektar dan mampu mengeluarkan benih-benih getah dari klon-klon yang berpenghasilan tinggi. Di samping itu, tapak-tapak semaian tempatan juga diwujudkan di seluruh negara bagi menjamin pekebun-pekebun kecil mendapat bekalan benih yang diperlukan pada masa penanaman dan dalam masa yang singkat. RISDA juga sedang giat menyediakan benih-benih getah yang boleh memendekkan masa remaja pokok getah daripada 7 tahun kepada 4 tahun (Advanced planting materials).

Rancangan Pemulihan Kebun

Kebun-kebun tanam semula yang terbenkakai akibat salah pengurusan atau faktor-faktor sosio-ekonomi ataupun akibat bencana alam perlu dipulihkan untuk menjamin pekebun-pekebun kecil mendapat faedah sepenuhnya dari penyertaannya dalam rancangan tanam semula.

Untuk ini RISDA mengadakan satu rancangan khas dalam bentuk kredit dan bantuan subsidi.

Bantuan Input Pertanian

Kemudahan kredit dan bantuan subsidi diberi kepada pekebun kecil. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, sejumlah \$8.86 juta untuk keperluan rancangan kredit dan \$34.62 juta untuk bantuan subsidi telah disediakan untuk pembekalan baja. Di samping itu, kredit untuk bahan-bahan kimia pertanian juga disediakan.

Rancangan subsidi Input Pertanian mengandungi lima jenis bahan; iaitu baja, kimia pertanian termasuk penggalak susu, kacang penutup bumi dan tanaman kontan. Pekebun-Pekebun Kecil yang mempunyai kebun tidak lebih daripada 4 hektar layak mendapat subsidi sungguhpun keutamaan diberi kepada mereka yang memiliki kawasan kebun yang lebih kecil.

Pembangunan Prasarana

Bagi kemudahan pekebun kecil di kawasan-kawasan pendalaman, rancangan-rancangan pembangunan prasarana dilancarkan, mengandungi kemudahan dalam bentuk subsidi bagi kerja-kerja pembinaan jalan-jalan pertanian; jambatan-jambatan kecil, pembentong, parit dan lain-lain. Tumpuan diberi kepada menyediakan kemudahan-kemudahan prasarana rancangan-rancangan tanam semula yang dijalankan mengikut konsep mini estet.

Rancangan Mini Estet

Rancangan ini adalah konsep baru dalam pelaksanaan program tanam semula dan tanam baru. Ia melibatkan penyertaan pekebun kecil secara bersepadu dan pembangunan serta pengurusan kebun dijalankan oleh RISDA sendiri bagi pihak pekebun-pekebun kecil.

Sejak mula dilancarkan dalam tahun 1979 sehingga akhir 1981, seluas 20,376.53 hektar telah dimajukan dalam 169 rancangan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Dari jumlah itu, seluas 11,811.54 hektar adalah kawasan getah tua manakala 8,564.99 hektar adalah tanah kosong. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat seluas 22,256 hektar tanah kosong telah dikenalpasti untuk dimajukan sebagai mini estet.

Pemerosesan Dan Pemasaran

Menambah daya pengeluaran pekebun kecil tidak semestinya boleh menambah pendapatan kepada mereka. RISDA telah menyusun dan melancarkan beberapa program pemerosesan dan pemasaran untuk menjamin pekebun-pekebun kecil menikmati hasil pendapatan yang tinggi melalui sistem pemasaran yang baik.

Program-program tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Membina pusat-pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK).
- ii) Kredit Wang Pusingan untuk PPPK.
- iii) Penubuhan dan operasi Rumah Asap Getah.
- iv) Pembelian getah pekebun kecil secara langsung.
- v) Pemasaran hasil tanaman kontan dan tanaman selingan pekebun kecil.
- vi) Maklumat pasaran dan pemasaran.

Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) pada asasnya adalah pusat memproses getah berkelompok, tetapi sekarang ia telah diterima oleh pekebun kecil sebagai pusat atau nukleus pembangunan dan pemodenan RISDA bagi pekebun kecil untuk sesuatu kawasan atau kampung.

Sehingga akhir 1981 RISDA mempunyai 2,797 buah PPPK yang memberi faedah kepada 66,466 pekebun-pekebun kecil. Di samping itu pusat memproses getah kecil yang boleh memberi kemudahan kepada 4 hingga 8 orang pekebun kecil juga dibina. Sehingga akhir 1981, sebanyak 2,866 pusat-pusat memproses getah mini telah dibina untuk faedah kira-kira 12,037 orang pekebun-pekebun kecil.

RISDA juga setakat ini telah membina 6 buah rumah asap di samping 5 buah lagi yang sedang dalam pembinaan. Dengan adanya rumah-rumah asap membolehkan RISDA membeli getah USS (Getah Keping Tanpa Asap) dari pekebun kecil dan mengawetnya menjadikan getah RSS sebelum dipasarkan. Faedah sepenuhnya diperolehi melalui urusan pemerosesan seperti mengasap, menggred, membungkus dan seterusnya ke peringkat eksport ke pasaran tempatan serta antarabangsa. Keuntungan yang diperolehi

akan disalurkan kembali kepada pekebun-pekebun kecil dengan cara membeli getah mereka dengan harga yang lebih tinggi.

Mulai 31 Ogos 1981, RISDA telah diberi mandat untuk mengeksport getah secara langsung ke pasaran antara-bangsa.

Selain dari menolong pekebun kecil memasarkan hasil getah mereka, RISDA juga mengaturkan program-program pemasaran untuk membantu pekebun-pekebun kecil memasarkan hasil pertanian mereka. Di samping itu RISDA juga melibatkan diri dalam pemasaran kelapa sawit pekebun kecil yang memasuki rancangan tanam semula.

Mempelbagaikan Sumber Pendapatan Pekebun Kecil

Sebagai salah satu usaha untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan, RISDA menitikberatkan usaha-usaha bukan sahaja untuk memaksimumkan pengeluaran getah pekebun kecil, tetapi juga untuk mempelbagaikan sumber pendapatan mereka dengan menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi seperti pertanian, ternakan, pertukangan, jahit menjahit, perusahaan-perusahaan kecil (cottage industry) dan juga pergerakan koperasi.

Di samping menambah pendapatan pekebun kecil, kegiatan-kegiatan ekonomi tersebut dapat menjamin pendapatan mereka yang sentiasa turun naik mengikut aliran harga getah, terutama sekali bagi mereka yang bergantung sepenuhnya kepada getah sebagai mata pencarian. Ia juga dapat meringankan beban akibat dari kehilangan pendapatan dari getah apabila kebun-kebun ditanam semula.

Kegiatan Pengembangan RISDA

Rancangan-rancangan pembangunan untuk memper-

baiki kehidupan pekebun kecil getah tidak terhad kepada pemberian input pertanian dan kemudahan-kemudahan pembangunan yang lain, tetapi juga meliputi pembangunan sosial dan pembelajaran masyarakat pekebun kecil.

RISDA menyedari betapa perlu diadakan sistem berkesan untuk menyampaikan teknologi moden kepada pekebun kecil melalui kegiatan pengembangan. Akan tetapi, selagi semangat untuk maju, sikap ketekunan, kepercayaan dan disiplin tidak dipupuk di kalangan mereka, adalah sukar bagi RISDA untuk menyalurkan unsur-unsur pembaharuan kedalam sektor pekebun kecil.


Tugas RISDA yang rumit, bukan sahaja untuk menentukan teknologi-teknologi moden yang sesuai untuk disampaikan kepada pekebun-pekebun kecil, tetapi juga untuk mengwujudkan perkhidmatan pengembangan yang akan memudahkan penyaluran dan penyampaian teknologi kepada mereka yang akhirnya dapat digunakan oleh sektor pekebun kecil secara meluas.

Ini akan mempercepatkan penggunaan teknologi baru, memodenkan cara-cara perkebunan, mengwujudkan pertanian secara komersial dan kemahiran di kalangan pekebun kecil.

Usaha-usaha pengembangan dijalankan dengan tujuan untuk mendorong pekebun-pekebun kecil supaya menerima sesuatu ide atau pembaharuan yang baru dan mengamalkannya dengan berkesan. Aspek-aspek pembangunan yang dititikberatkan meliputi keadah penanaman, penggunaan tanah, pengurusan kebun, penjagaan dan sebagainya.

RISDA sekarang menjalankan konsep pendekatan secara menyeluruh, di mana semua aspek penghidupan pekebun kecil diambilkira untuk membina pembaharuan dan pembangunan dalam ertikata yang sebenarnya. Justeru itu pegawai-pegawai luar RISDA dapatlah dianggap sebagai 'multi purpose extension workers'.

Teknologi dan Penemuan Baru Pertanian



1. Veksin Baru untuk Mengawal Penyakit Sampar Ayam

Para saintis di Universiti Pertanian Malaysia telah berjaya mengeluarkan dua vaksin baru yang didapati sangat mujarab dan berkesan dalam mengawal sampar ayam- satu penyakit yang sangat ditakuti di kalangan penternak-penternak ayam.

Kedua-dua vaksin itu dapat mencegah ayam-ayam daripada mengidap penyakit sampar ayam untuk jangka waktu yang lama.

Penemuan kedua-dua vaksin ini akan dapat menyumbang ke arah mengurangkan kes kematian ayam dan seterusnya kerugian di kalangan penternak-penternak ayam khasnya mereka di kawasan-kawasan luar bandar.

Sampar ayam ialah sejenis penyakit virus yang mengakibatkan kematian dan kerugian yang tinggi kepada penternak-penternak ayam di negara ini, kerana sebelum ini penyakit sampar ayam tidak boleh diubat tetapi boleh dicegah dengan menyuntik semua ayam.

Walaupun suntikan menentang penyakit tersebut ada dilaksanakan di negara ini, namun penyakit sampar ayam masih terjadi di kalangan ayam yang sudah disuntik.

Sekumpulan saintis yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdul Latiff Ibrahim dari Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan telah menjalankan projek penyelidikan menggunakan teknik baru yang dipanggil 'cloning', dan telah dapat mengeluarkan dua vaksin itu.

Vaksin UPM-AC/1 adalah sesuai untuk menyuntik ayam-ayam yang berumur dari satu hingga 42 hari. Suntikan ini tidak mempunyai sebarang kesan buruk ke atas kesihatan ayam-ayam.

Vaksin UPM-AC/2 boleh digunakan untuk ayam petelur dengan tidak mengakibatkan reaksi yang buruk.

Para saintis telah maju selangkah lagi dalam mengeluarkan vaksin ini dalam bentuk yang tidak perlu apa-apa jagaan khas atau disimpan dalam tempat sejuk.

Ini bermakna bahawa vaksin dalam bentuk ini boleh dibawa ke kawasan-kawasan luar bandar di mana kemudahan peti sejuk tidak diperolehi.

Kemudahan yang ada di makmal Virology di Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan serta para penyelidik di Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Jawatankuasa Penyelidikan Daging Ayam Australia di Jabatan Perusahaan Utama telah memberi peruntukan wang kepada universiti ini untuk mengeluarkan sejenis vaksin sampar ayam untuk kegunaan penternak-penternak ayam di Australia.

Sumber: Kenyataan Akhbar oleh Bahagian Perhubungan Awam UPM pada 14hb Mei 1982.

2. Telur yang lebih menyihatkan

Dua orang pakar sains telah menemui satu cara untuk menghasilkan sejenis telur yang dapat memberi lebih khasiat pemakanan dan mengurangkan bahaya penyakit jantung, sambil boleh digoreng dan dimasak seperti telur biasa.

Dr. Darrel Bragg telah mencari jalan untuk menghasilkan telur yang lebih besar lebihkurang 10 tahun lalu apabila beliau menemui cara untuk menambahkan asid lemak yang tak tepu ('pufa') dalam telur. Tetapi Dr. Bragg tiada jalan untuk melaksanakan penemuannya itu sehingga seorang penyelidik lain, Dr. Alan Leslie dari Ritchie-Smith Feeds, memajukan satu skim untuk menggunakan penemuan-penemuan di makmal di ladang penternakan dengan mencipta satu formula khas untuk makanan ayam.

Kedua-dua pakar sains tersebut menyatakan bahawa telur baru ini memberi rasa dan mutu masakan yang sama seperti telur biasa, tetapi ia mempunyai lebih 'pufa', yang telah disyorkan bagi mengurangkan masalah penyakit jantung dan gemuk badan. Harga telur baru ini mungkin lebih dari harga telur biasa tetapi pembeli mungkin akan dipengaruhi oleh nilai pemakanannya yang bertambah.

Dr. Bragg dapati bahawa beliau dapat menaikkan kandungan 'pufa' dalam kuning telur dari 5% kepada 28%. Berasaskan penemuan ini, Dr. Leslie memberi sekumpulan ayam makan mengikut catuan khas, dan mereka telah menghasilkan telur yang mempunyai kadar 'pufa' 100% lebih dari biasa. Dr. Bragg menerangkan bahawa menambahkan kadar 'pufa' tiadalah mengurangkan kandungan lemak dalam telur pada keseluruhannya; ia hanya mempunyai kandungan lemak yang mudah di hazam oleh manusia.

Sumber: Star, 4 Jun 1982, m.s. 14.

3. Air barli sebagai ubat barah

Air barli merupakan cara yang paling lama dan juga yang terbaru dalam melambatkan proses ketuaan sambil boleh pula mengubati barah. Para pengubat di zaman silam telah pernah menyatakan kebenaran ini, dan sekarang para penyelidik perubatan telah pula mencapai keputusan yang sama.

Apabila air barli dibubuh di sel yang telah rosak, DNA (bahan kimia yang bertanggungjawab untuk memindahkan ciri-ciri keturunan) pulih segera dengan sendirinya. Dr. Yoshihide Hagiwara, Yang diPertua Institut Kesihatan Hagiwara di Jepun, menyatakan bahawa oleh kerana kedua-dua barah dan proses ketuaan adalah diakibatkan dari gen yang mengandungi DNA yang tiada pulih dengan sendirinya, penemuan baru ini boleh mencegah barah, proses ketuaan atau kedua-duanya sekali.

Dalam satu ujikaji baru-baru ini, Dr. Hagiwara bersama Dr. Yasuo Hotta dari University of California telah menunjukkan khasiat-khasiat air barli. Mereka telah menggenangi sel-sel tikus dengan bahangan dan bahan kimia yang menyebabkan barah. Sel-sel tersebut dibahagikan ke beberapa set, dan hanya satu set sahaja dibubuh air barli. Kebanyakan dari sel-sel tersebut telah mati, sementara yang lain telah pulih dengan lambat. Tetapi sel-sel yang dibubuh air barli telah pulih dua kali ganda cepat dari biasa. Pemulihan adalah lebih cepat apabila air barli dibubuh sebelum sel-sel digenangi oleh bahangan dan bahan kimia yang menyebabkan barah; kadar pemulihan adalah tiga kali ganda cepat dari biasa.

Sumber: Malay Mail, 5 Julai 1982, m.s. 10.

BIBLIOGRAFI PERTANIAN MALAYSIA

Bibliografi ini mengandungi bahan-bahan terbitan mengenai pertanian Malaysia yang telah diindeks dari April 1982 – Jun 1982 oleh Pusat Kebangsaan AGRIS dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Institut Penyelidikan Getah Malaysia, untuk keperluan AGRIS dan AGRIASIA.

Format AGRIS telah digunakan untuk mengindeks dan penyusunan bibliografi ini dibuat mengikut Pengelasan AGRIS seperti di bawah ini: –

<i>Kod</i>	<i>Perkara</i>
A00	– PERTANIAN (AGRICULTURE)
A50	– Penyelidikan (Research)
B00	– GEOGRAFI DAN SEJARAH (GEOGRAPHY AND HISTORY)
B10	– Geografi (Geography)
B50	– Sejarah (History)
C00	– PENDIDIKAN, PENGEMBANGAN DAN KHIDMAT NASIHAT (EDUCATION, EXTENSION AND ADVISORY WORK)
D00	– PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN (ADMINISTRATION AND LEGISLATION)
D10	– Pentadbiran (Administration)
D50	– Perundangan (Legislation)
E00	– EKONOMI, PEMBANGUNAN DAN SOSIOLOGI DESA (ECONOMICS, DEVELOPMENT AND RURAL SOCIOLOGY)
E10	– Ekonomi (Economics)
E15	– Pengurusan dan Pengelolaan Ladang (Farm Organization and Management)
E30	– Tujuan Pembangunan, Dasar, Program (Development Aims, Policies, Programmes)
E50	– Sosiologi Desa (Rural Sociology)
E70	– Pengedaran dan Pemasaran (Distribution and Marketing)
F00	– PENGELUARAN TUMBUHAN (PLANT PRODUCTION)
F05	– Sains Tumbuhan (Plant Science)
F10	– Kajicucuca dan Kajaklim (Meteorology and Climatology)
F20	– Sains Tanah (Soil Science)
F21	– Biologi Tanah (Soil Biology)
F22	– Fizik dan Kimia Tanah (Soil Chemistry and Physics)
F23	– Pengelasan dan Genesis Tanah (Soil Classification and Genesis)
F24	– Penyiasatan dan Pemetaan Tanah (Soil Surveying and Mapping)
F25	– Kesuburan Tanah; Baja (Soil Fertility; Fertilizers)
F26	– Pengurusan dan Sumber Tanah (Soil Resources and Management)
F27	– Penyuburan Tanah dan Sistem Tanaman (Soil Cultivation and Cropping Systems)
F28	– Memulihguna dan Hakisan Tanah (Soil erosion and Reclamation)
F30	– Pembiakbaikan Tanaman (Plant Breeding)
F40	– Ekologi Tumbuhan (Plant Ecology)
F50	– Struktur Tumbuhan (Plant Structure)
F60	– Biokimia dan Fisiologi Tumbuhan (Plant Physiology and Biochemistry)
F70	– Taksonomi dan Geografi Tumbuhan (Plant Taxonomy and Geography)
H00	– PERLINDUNGAN TUMBUHAN DAN HASIL SIMPANAN (PROTECTION OF PLANTS AND STORED PRODUCTS)
H10	– Perosak Tumbuhan (Pests of Plants)
H20	– Penyakit-Penyakit Tumbuhan (Plant Diseases)
H50	– Pelbagai Penyakit Tumbuhan (Miscellaneous Plant Disorders)
H60	– Rumpai (Weeds)
H70	– Perlindungan Hasil Simpanan Tanaman dan Ternakan (Protection of Stored Products of Plant and Animal Origin)
K00	– PERHUTANAN (FORESTRY)
K10	– Pengeluaran Perhutanan (Forestry Production)
K20	– Pengurusan Perhutanan (Forest Management)
K50	– Perindustrian dan Teknologi Kayu (Wood Technology and Industries)
K70	– Kerosakan dan Perlindungan Hutan (Forest Injuries and Protection)
L00	– PENGELUARAN TERNAKAN (ANIMAL PRODUCTION)
L05	– Sains Peternakan (Animal Science)
L10	– Pembiakbaik Ternakan (Animal Breeding)
L20	– Ekologi Haiwan (Animal Ecology)
L30	– Pemakanan Ternakan (Animal Nutrition)
L32	– Memproses Makanan Ternakan (Feed Processing)
L34	– Mikrobiologi dan Toksikologi Makanan (Feed Microbiology and Toxicology)
L36	– Kandungan Makanan (Feed Composition)
L40	– Struktur Haiwan (Animal Structure)
L50	– Biokimia dan Fisiologi Haiwan (Animal Physiology and Biochemistry)
L60	– Taksonomi dan Geografi Haiwan (Animal Taxonomy and Geography)
L70	– Sains Veterinar dan Kesihatan (Veterinary Science and Hygiene)
L72	– Perosak Haiwan (Pest of Animals)
L73	– Penyakit-Penyakit Haiwan (Animal Diseases)
L74	– Pelbagai Penyakit Haiwan (Miscellaneous disorders of Animals)
M00	– SAINS AKUATIK DAN PERIKANAN (AQUATIC SCIENCES AND FISHERIES)
M10	– Pengeluaran Perikanan (Fisheries Production)
M20	– Sains Samudra (Oceanography)
M30	– Limnologi (Limnology)
M40	– Biologi Akuatik (Aquatic Biology)
N00	– JENTERA DAN BANGUNAN (MACHINERY AND BUILDINGS)
N10	– Peralatan dan Struktur Kejuruteraan Pertanian (Agricultural Engineering, Structures, and Equipment)
N20	– Peralatan Ladang (Farm Equipment)
P00	– SUMBER ALAM (NATURAL RESOURCES)
P05	– Sumber Tenaga (Energy Resources)
P10	– Sumber Air dan Pengurusan (Water Resources and Management)
P12	– Saliran dan Pengairan (Drainage and Irrigation)
P20	– Sumber Tanah (Land Resources)
Q00	– SAINS MAKANAN (FOOD SCIENCE)
Q10	– Memproses Makanan (Food Processing)
Q20	– Mikrobiologi dan Toksikologi Makanan (Food Microbiology and Toxicology)
Q30	– Pembungkusan Makanan (Food Packaging)
Q40	– Makanan Penampung (Food Additives)
R00	– EKONOMI RUMAHTANGGA, PERINDUSTRIAN DAN KERJATANGAN (HOME ECONOMICS, INDUSTRIES AND CRAFTS).
S00	– PEMAKANAN MANUSIA (HUMAN NUTRITION)
S10	– Kandungan Makanan (Food Composition)
S20	– Fisiologi Pemakanan Manusia (Physiology of Human Nutrition)

S30	—	Makanan (Feeding)	U10	—	Matematik dan Statistik (Mathematics and Statistics)
T00	—	PENCEMARAN (POLLUTION)			
U00	—	BIDANG ILMU TAMBAHAN (AUXILIARY DISCIPLINES)	U20	—	Dokumentasi (Documentation)

A00: PERTANIAN

A50: Penyelidikan

Minyak Kelapa Sawit (9538)

ANON. Chemistry and technology division of PORIM [Palm Oil Research Institute of Malaysia] current research programme (En). *PORIM Bulletin* (Malaysia) ISSN 0127-0249 (Nov. 1981) (no. 3) p. 1-5. Summary (Malay).

IFTIKHAR AHMAD (Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia). Use of palm stearin in soaps (En). *PORIM Technology* (Malaysia). ISSN 0127-0257 (Apr. 1981) (No. 2) p. 1-9 5 tables; 4 ref.

INSTITUT PENYELIDIKAN MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA, Kuala Lumpur. Biology Division of PORIM [Palm Oil Research Institute of Malaysia]. The Oil Palm research programme. (En). *PORIM Bulletin* (Malaysia) ISSN 0127-0249 (May 1981) (no. 2) p. 1-6 Summary (Malay).

INSTITUT PENYELIDIKAN MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA, Kuala Lumpur. PORIM in brief [Palm Oil Research Institute of Malaysia]. *PORIM Bulletin* (Malaysia). ISSN 0127-0249 (Nov. 1980) (no. 1) p. 1-3.

MOHD. NASIR HASSAN BASRI (Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia. Bahagian Tekno-Ekonomi dan Penerangan). [The Palm Oil Research Institute of Malaysia (PORIM): an introduction]. Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM): satu pengenalan (Malay) *Buletin Maklumat Pertanian Malaysia* (Malaysia). ISSN 0127-0575. (Jan 1982) v. 2(1) p. 1-3.

C00: PENDIDIKAN, PENGEMBANGAN DAN KHIDMAT NASIHAT

HO, N. K. [System of training and visits-the role of officers at farm level [Peninsular Malaysia]] Sistem latihan dan lawatan — peranan pegawai di peringkat — ladang (Malay). Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Alor Setar, Kedah (Malaysia). (MADA) Aug. 1980. 26 p. 10 appendices.

OTHMAN YAACOB; SHARIFUDDIN, H. A. H.; SHAMSHUDDIN, J.; SULAIMAN WAN HARUN, WAN (Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor). Teaching and research in soil science in Malaysia (En).

PUSHPARAJAH, E.; CHIN, S. L. (eds). Persatuan Sains Tanah Malaysia (PSTM), Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur. Proceedings of the conference on soil science and agricultural development in Malaysia. Kuala Lumpur (Malaysia) PSTM. 1980. p. 414. Summary (En.) [Conference on Soil Science and Agricultural Development in Malaysia. Kuala Lumpur (Malaysia) 12-14 May 1980].

Minyak Kelapa Sawit (9538)

INSTITUT PENYELIDIKAN MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA [PORIM], Kuala Lumpur Palm Oil Research Institute of Malaysia [PORIM]. [Information booklet]. (En). Kuala Lumpur (Malaysia). PORIM Dec 1979. 8 p. Chiefly col. ill.

D00: PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN

D50: Perundangan

Minyak Kelapa Sawit (9538)

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND THE ENVIRONMENT, Kuala Lumpur (Malaysia). Division of Environment. Proposed palm oil mill effluent standards for water course discharge [for incorporation into the Environmental Quality (Prescribed Premises) (Crude palm oil (Regulations 1977. PV. (A) 342/77) Malaysia] (En). *Planter* (Malaysia). ISSN 0126-575x (Mar 1982) v. 58 (672) p. 104-112. 9 tables.

E00: EKONOMI, PEMBANGUNAN DAN SOSIOLOGI DESA

E10: Ekonomi

AHMAD ZAHARUDIN IDRUS, MAT ISA AWANG (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. Bahagian Gunaan Hasil Pertanian). Potential of industries based on miscellaneous crops [in Malaysia] (En). Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani; Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur, Serdang, Selangor (Malaysia). 1981. 14 p. 7 ref. [National Conference on the Development of Resource-based Industries Serdang, Selangor (Malaysia) 10-12 Aug. 1981]

ALLADIN HASHIM (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Kuala Lumpur (Malaysia). Development and planned

population distribution [in Malaysia] — some aspects on the role of the Federal Land Development Authority (FELDA) (En). *Land Development Digest* (Malaysia). ISSN 0126-6160 (Dec 1981) v. 4(1). p. 4-27. 7 tables; 13 ref. Appendices.

ANON. Economic indicators [aspects of trade, finance, production prices and indices and Malaysia] (En). *Malaysian Business* (Malaysia). ISSN 0216-5504 (May 1982) (no. 5) p. 93-96. Chiefly numerical data.

ARSHAD AYOB (Kementerian Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur). Policy issues and implications for the future development of resource-based industries with special reference to agro-based industries [in Malaysia] Serdang, Selangor (Malaysia). 1981. 23 p. [National Conference on the Development of Resource-based Industries. Serdang, Selangor (Malaysia) 10-12 Aug. 1981]

AWANG HUSSEIN TAHIR (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah Malaysia). Potential for resource-based industries in Sabah (East Malaysia) (En).

Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani; Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur. Serdang, Selangor (Malaysia) 1981. 42 p. [National Conference on the Development of Resource-based Industries. Serdang, Selangor (Malaysia) 10-12 Aug. 1981]

CHOON, K. O. (Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) Berhad, Kuala Lumpur). The role of MIDF [Malaysian Industrial Development Finance] in the financing of resource-based industries. (En).

Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. F.E.S.P.; Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur. Serdang, Selangor (Malaysia) 1981. 8 p. [National Conference on the Development Resource-based Industries. Serdang, Selangor (Malaysia). 10-12. Aug. 1981].

IYER, G. K. R. (Kementerian Perusahaan Utama, Kuala Lumpur (Malaysia)). An overview of the development of resource based industries in Malaysia (En).

Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. F.E.S.P.; Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur. Serdang, Selangor (Malaysia). 1981. 24 p. [National Conference on the Development of Resource-based Industries, Serdang, Selangor

(Malaysia). 10-12 Aug. 1981].

JAMIL MOHAMMAD JAN (Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Kuala Lumpur). Policy issues and implication for future development of resource-based industries in Malaysia. (En).

Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani; Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur Serdang, Selangor (Malaysia) 1981. 21 p. [National Conference on the Development of Resource-based Industries. Serdang, Selangor (Malaysia) 10-12 Aug. 1981]

KAMAL SALIH (Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan) Resource-based industrialization in Malaysia: some policy implications. (En).

Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor. Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani; Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur, Serdang, Selangor (Malaysia) 1981. 25 p. 11 ref. [National Conference on the Development of Resource-based Industries. Serdang, Selangor. (Malaysia) 10-12 Aug. 1981]

KEMP, M. H. (Arthur Anderson Co., Kuala Lumpur (Malaysia)). Computerisation in the agriculture industry of Malaysia: 111. Future applications (En). *The Planter* (Malaysia) ISSN 0126-575x (Jan 1982) v. 58 (670) p. 20-26.

